



**PERSEKUTUAN PENGAKAP MALAYSIA**

**TATARACARA PENGURNAAN DAN PENCALONAN BAGI PENGANUGERAHAN  
DARJAH DAN BINTANG KEBESARAN SERTA PINGAT KETUA PENGAKAP NEGARA ,  
PERSEKUTUAN PENGAKAP MALAYSIA**

*Akta Parlimen No. 38 Tahun 1968 Pindaan No.143 dan No.409 tahun 1989  
( sisipan pada Akta ; guna pakai dalam permakluman - 1989 )*

***RASIONAL***

Rasional Pencalonan Darjah dan Bintang Kebesaran serta Pingat Persekutuan Pengakap Malaysia ;

Persekutuan Pengakap Malaysia (PPM) semenjak ditubuhkan sentiasa memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada individu dan kumpulan yang berjasa terhadap perkembangan dan pembangunan Kepengakapan secara langsung atau tidak langsung di dalam dan di luar negara. Kecemerlangan Kepengakapan amat bergantung kepada semangat dedikasi dan komitmen para pemimpin melatih, membimbing dan mengasuh setiap ahli Pengakap agar berguna kepada diri sendiri, keluarga, masyarakat dan negara. Selaras dengan pencapaian dan pembangunan pergerakan Kepengakapan di Malaysia masa kini.

***OBJEKTIF***

Objektif Pencalonan Darjah dan Bintang Kebesaran serta Pingat Persekutuan Pengakap Malaysia :

- a. Memberi pengiktirafan sewajarnya kepada pemimpin Pengakap yang telah berjasa kepada bangsa dan negara selaras dengan sumbangan dan komitmen terhadap Persekutuan Pengakap Malaysia.
- b. Memberi peluang dan ruang berinteraksi dan maklum balas tentang pencapaian terkini dalam Persekutuan Pengakap Malaysia.
- c. Menggalakkan sumbangan yang lebih aktif di kalangan ahli bagi memastikan Persekutuan Pengakap Malaysia mencapai objektif pergerakan berdasarkan Persetiaan dan Undang-Undang Pengakap.
- d. Menjadikan ia contoh tauladan kepada ahli-ahli Pengakap dan pemimpin generasi muda tentang pengorbanan yang telah dilakukan oleh penerima anugerah

## ***TATACARA PENGURNIAAN & PENCALONAN***

1. Tatacara pengurniaan Darjah dan Bintang Kebesaran serta Pingat adalah sangat terperinci dan memakan masa selama lima bulan, iaitu dari mula calon dicadangkan hingga kepada upacara Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran. Ia bermula pada bulan Disember setiap tahun apabila diminta menyerahkan senarai calon kepada Persekutuan Pengakap Malaysia di Ibu Pejabat pada AKHIR BULAN Mac tahun depan. Pencalonan disalur melalui proses penapisan oleh Majlis Pengakap Negeri, baharu dimajukan kepada Ibu Pejabat Persekutuan Pengakap Malaysia.
2. Ketua Pengakap Negara adalah sumber bagi segala kehormatan dan kebesaran dalam Persekutuan Pengakap Malaysia. Beliau sahaja yang boleh mengurniakan serta mewujudkan Darjah, Pingat Penghormatan dan Kebesaran. Walaupun pengurniaan Darjah Kebesaran adalah hak mutlak Ketua Pengakap Negara. Perlembagaan memperuntukkan Ketua Pengakap Negara merujuk kepada Jawatankuasa Anugerah.
3. Pada awal bulan Mei, senarai nama pencalonan Darjah dan Bintang Kebesaran yang telah ditentukan bagi setiap kategori bersama dengan biodata dan sokongan yang terperinci setiap calon akan dibentangkan terlebih dahulu di mesyuarat Jawatankuasa Anugerah, Persekutuan Pengakap Malaysia. Di sini dipastikan bahawa calon mempunyai kelayakan mengikut Garis Panduan dan kriteria yang telah ditetapkan serta pandangan dan pendapat ahli Jawatankuasa Anugerah mengenai setiap calon yang dikemukakan. Ahli Majlis Jawatankuasa Anugerah, Persekutuan Pengakap Malaysia amat teliti dalam pemprosesan maklumat mengenai setiap calon. Sebarang maklumat yang tidak menepati atau pengecualian akan dibangkitkan kepada Majlis, walaupun hal tersebut mungkin kecil.
4. Mesyuarat Khas yang dipengerusikan oleh Ketua Pengakap Negara akan bersidang untuk meneliti setiap pencalonan. Di dalam kes-kes yang mendapat perhatian wajar oleh Majlis Jawatankuasa Anugerah, Ketua Pengakap Negara akan merujuk kepada Ahli Jawatankuasa Anugerah, Persekutuan Pengakap Malaysia untuk mendapatkan pandangan dan nasihat mereka sebelum membuat keputusan muktamad untuk diperkenankan.
5. Senarai nama calon yang terpilih kemudiannya diserahkan oleh Persekutuan Pengakap Malaysia kepada Polis, Badan Pencegah Rasuah dan Jabatan Insolvensi bagi tujuan penyiasatan dan kelulusan dan bukan muflis serta bebas dari apa-apa kesalahan Polis dan Badan Pencegah Rasuah.
6. Senarai yang telah diperakukan dan diperkenankan akan dihantar untuk makluman kepada Majlis Pengakap Negeri-Negeri, mengikut Bintang dan Pingat yang diterima. Satu senarai penuh nama-nama penerima mengikut Bintang dan Pingat akan dikeluarkan sebagai kesahihan penerima mengikut abjad (Gelaran dan nama tambahan diletakkan selepas nama, kecuali gelaran keturunan Di-Raja dan Bangsawan).

## ***UPACARA MAJLIS PENYAMPAIAN DARJAH, BINTANG DAN PINGAT***

1. Upacara penyampaian Darjah, Bintang dan Pingat akan dilakukan diperingkat Kebangsaan, dimana pihak Jawatankuasa Anugerah/Majlis Pengakap Malaysia/Ketua Pengakap Negara akan membuat ketetapan diperingkat kebangsaan untuk menentukan samada Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong / Y.A.B Perdana Menteri / Y.A.B Timbalan Perdana Menteri atau sekiranya dibuat di negeri kepada Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia / Duli Yang Maha Mulia Sultan atau Tuan Yang Terutama Yang DiPertua Negeri, boleh juga disempurnakannya semasa Perasmian Mesyuarat Agung Dwi Tahunan dan diperingkat Majlis Pengakap Negeri-Negeri, boleh ditentukan oleh Ketua Pengakap Negara kepada sesiapa yang akan menyempurnakannya atau Ketua Pengakap Negara sendiri akan menyampaikannya.
2. Bagi Darjah dan Bintang : Bintang Semangat Padi Kelas I (Emas) – (BSP-I), Bintang Semangat Padi Kelas II (Perak) – (BSP-II), Bintang Semangat Rimba Kelas I (Emas) – (BSR-I) dan Bintang Semangat Rimba Kelas II (Perak) – (BSR-II) dan Bintang Pahlawan hanya boleh disampaikan oleh Ketua Pengakap Negara atau dalam satu-satu majlis yang dimaklumkan kepada Ketua Pengakap Negara, pihak Majlis Pengakap Negeri boleh memohon penurunan kuasa pada Majlis Pengakap Negeri untuk memohon ‘Penaung’ Majlis Pengakap Negeri atau Y.A.B Menteri Besar atau Y.A.B Ketua Menteri atau Menteri-Menteri Penuh Kerajaan Persekutuan untuk menyampaikannya walaupun pada masa yang sama Ketua Pengakap Negara ada atau tiada bersama dalam majlis berkenaan.
3. Sementara semasa ketidakbolehan beradanya Ketua Pengakap Negara disatu-satu Majlis Penganugerahan bagi Pingat Cemerlang, Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara atau Penolong Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara atau Yang DiPertua Majlis Pengakap Negeri atau Pengerusi Majlis Pengakap Negeri bolehlah Ketua Pengakap Negara memberi penurunan kuasa penganugerahan kepada mereka setelah dipohon dan diberikan kuasa oleh Ketua Pengakap Negara.
4. Bagi Pingat-Pingat Setia (PPS), Pingat Perkhidmatan Baik (PPB), Pingat Perkhidmatan Lama (PPL) dan Sijil Kepujian Ketua Pengakap Negara (SKKPN), dimana ada yang akan terpilih untuk menerima diperingkat kebangsaan (atas dasar jarak dan fakta-fakta tertentu yang difikirkan perlu oleh Jawatankuasa Majlis Penganugerahan) ianya akan disampaikan diperingkat Majlis Pengakap Negeri dan penurunan kuasa boleh dipohon daripada Ketua Pengakap Negara, untuk disempurnakan oleh Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara, Penolong-Penolong Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara, Ahli-Ahli Majlis yang dilantik sebagai EXCO Persekutuan Pengakap Malaysia, Yang DiPertua Majlis Pengakap Negeri, Pesuruhjaya Pengakap Negeri, Pengerusi Majlis Pengakap Negeri, Ahli-Ahli Yang Berhormat (selaku perasmi majlis), Pegawai Daerah (jika di dalam daerah), Setiausaha Kehormat Majlis Pengakap Negeri dan Penolong-Penolong Pesuruhjaya Pengakap Negeri (yang diberi kuasa atas pemakluman Pesuruhjaya Pengakap Negeri).

## ***JANGKAMASA, WAKTU UNTUK DIBUAT PENCALONAN***

Waktu/jarakmasa penganugerahan diantara satu-satu pingat dengan pingat atau bintang.

- a. Dimaklumkan warta disini bahawa anugerah yang paling rendah tetapi membawa makna dan pengiktirafan yang sama ialah “Sijil Kepujian Ketua Pengakap Negara (SKKPN)” dan “bar” ini diberikan kepada pemimpin yang bertauliah dan berkhidmat lebih 12 bulan.
- b. Di dalam waktu yang sama dari tarikh seseorang pemimpin bertauliah menerima “bar dan Sijil Kepujian Ketua Pengakap Negara (SKKPN)” bolehlah dianggap satu tahun dicampur 3 tahun jumlahnya 4 tahun, untuk dicadangkan dan dicalonkan untuk menerima Pingat Perkhidmatan Baik (PPB).
- c. Kemudian dari penerima “Sijil Kepujian Ketua Pengakap Negara (SKKPN)” dan “Pingat Perkhidmatan Baik (PPB)”, jarak masa bilangan tahun seseorang pemimpin bertauliah yang berterusan berkhidmat dengan cemerlang selama 6 tahun (atau 4 tahun dari tarikh penerima Pingat Perkhidmatan Baik (PPB)) boleh diteruskan dengan pencalonan untuk mendapat Pingat Perkhidmatan Setia (PPS) (Di dalam jangkaan mengikut keadaan biasa jarak tahun untuk pencalonan seterusnya boleh dibuat semula untuk pingat-pingat seterusnya adalah minima 4 tahun).
- d. Selepas menerima Pingat Perkhidmatan Cemerlang (PPC), jangkaan untuk menerima pencalonan Bintang Semangat Rimba Kelas II (Perak) – (BSR-II) dan keatas (Bintang Semangat Rimba Kelas I (Emas) – (BSR-I)/Bintang Semangat Padi Kelas II (Perak) – (BSP –II) dan Bintang Semangat Padi Kelas I (Emas) – (BSP-I) adalah tertakluk kepada Majlis Pengakap Negeri dan Majlis Pengakap Malaysia untuk mencalonkannya.
- e. Sementara untuk anugerah Pingat Perkhidmatan Lama (PPL), jarak waktu khidmat seseorang pemimpin yang bertauliah dan bertugas dengan cemerlang tanpa putus perkhidmatannya (terus menerus) atau jumlah perkhidmatan sebagai pemimpin selama dua puluh tahun (20 tahun) (di dalam keadaan-keadaan tertentu atau luar biasa) jangkaan bilangan tahun minima adalah lapan belas tahun (18 tahun) boleh dipertimbangkan untuk pencalonan.

## ***KURNIAAN KHAS & STATUS “KEHORMAT”***

1. Kepada pemimpin yang memegang jawatan Penolong Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara, Pesuruhjaya Pengakap Negeri yang menjalankan tugas jawatan tersebut selama tidak kurang daripada 4 tahun dengan cemerlang, setia dan gigih bolehlah dicalonkan oleh Jawatankuasa Anugerah untuk dianugerahkan dengan Bintang Semangat Rimba Kelas II (Perak) – (BSR – II), seterusnya berkhidmat secara terus menerus bertugas dengan cemerlang selama 8 tahun, bolehlah dicadangkan pula untuk menerima Bintang yang lebih tinggi atau atas keadaan biasa dengan persetujuan Ketua Pengakap Negara.
  
2. Penganugerahan Bintang dan Pingat berstatus “Kehormat”, Bintang dan Pingat yang dianugerahkan kepada Ketua-Ketua Negara dan Pesuruhjaya-Pesuruhjaya Pengakap Negara dari luar Malaysia (atas yurisdiksi).
  - a. Dicalangkan oleh Ketua Pengakap Negara, Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara.
  - b. Jawatankuasa Antarabangsa.
  - c. Jawatankuasa Pasukan Latihan Negara.
  - d. Jawatankuasa Pengurusan Ibu Pejabat Persekutuan Pengakap Malaysia.

*Ini juga adalah tertakluk kepada persetujuan dan perkenan oleh Ketua Pengakap Negara.*

## **BINTANG DAN PINGAT PERSEKUTUAN PENGAKAP MALAYSIA**

1. **BINTANG SEMANGAT PADI KELAS PERTAMA – EMAS (BSP – I)**  
(Bentuk : Sijil dan Pingat – Kalung)



- a. *Bintang Semangat Padi Kelas Pertama – Emas (BSP – I) adalah anugerah tertinggi Persekutuan Pengakap Malaysia (PPM), yang hanya disampaikan kepada tokoh-tokoh terbilang sahaja. Anugerah yang amat terhad ini menjadikannya sesuatu yang paling eksklusif. Justeru itu, penerima yang layak menerimanya hanyalah dari kalangan pemimpin-pemimpin negeri dan negara.*
- b. *Di antara tokoh-tokoh yang paling layak menerima Bintang Semangat Padi Kelas Pertama ini adalah dari kalangan Ketua-Ketua Negara dan Negeri yang terdiri daripada Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong, Ke Bawah Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Melayu, Tuan-Tuan Yang Terutama Yang DiPertua Negeri, Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri dan Ketua Pengakap Negara (KPN), kecuali Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri dan Ketua Pengakap Negara kesemua tokoh pemimpin ini merupakan Penaung kepada Persekutuan Pengakap Malaysia dan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong sebagai Penaung Utama kepada pergerakan Pengakap di negara ini.*

- c. *Selain dari tokoh-tokoh pemimpin yang tersebut, Bintang tertinggi Pengakap ini boleh juga dianugerahkan kepada Yang Teramat Mulia Raja-Raja Muda atau Tengku Mahkota atau Pemangku Sultan ketika Sultan dilantik menjadi Yang Di-Pertuan Agong, dan bergantung kepada pertimbangan dan budi bicara Jawatankuasa Kecil Penganugerahan, Majlis Pengakap Malaysia serta diperakukan oleh Ketua Pengakap Negara. Dalam keadaan yang sama juga, Bintang ini boleh dianugerahkan kepada pemimpin-pemimpin tertinggi negara, negeri atau Pengakap dari kalangan rakyat biasa seperti Y.A.B Menteri-Menteri Besar, Ketua-Ketua Menteri, Menteri-Menteri Kabinet atau mereka yang setaraf dengannya yang banyak berjasa kepada pergerakan Pengakap dengan sokongan Ketua Pengakap Negara (KPN). Penganugerahan kepada tokoh-tokoh dari luar negara boleh juga diberikan tetapi di atas status Kehormat.*
- d. *Istilah Semangat Padi (SP) melambangkan ciri-ciri, tradisi dan unsur-unsur budaya pribumi, di mana PADI merupakan teras hati budi, tatasusila hidup serta tonggak ketuanan bangsa melayu. Walaupun Pengakap berasal dari tanah Inggeris, tetapi melalui proses sosialisasi dan asimilasi untuk memenuhi keperluan dan adat resam tempatan, ianya telah menjadi hak asli dan jati negara ini. Dari suatu aspek yang lain pula, kegiatan Kepengakapan adalah sumber asuhan dan didikan yang mencerna dan menjana remaja Pengakap supaya menepati Falsafah Hidup Resmi Padi, semakin berisi semakin tunduk yang menepati nilai-nilai hidup ketimuran dan semangat Kepengakapan tempatan.*
- e. *Bintang Semangat Padi Kelas Pertama ini hanya boleh disampaikan oleh Ketua Pengakap Negara (KPN).*

2. **BINTANG SEMANGAT PADI KELAS KEDUA – PERAK (BSP – II)**  
(Bentuk : Sijil dan Pingat – Kalung)



- a. *Bintang Semangat Padi Kelas Kedua – Perak (BSP – II) adalah anugerah kedua tertinggi Persekutuan Pengakap Malaysia (PPM), yang hanya disampaikan kepada tokoh-tokoh terbilang. Penganugerahannya yang amat terhad menjadikannya sesuatu yang paling eksklusif. Justeru itu, penerima yang layak menerimanya hanyalah dari kalangan pemimpin-pemimpin negeri, negara dan pemimpin-pemimpin Pengakap yang telah banyak berjasa.*
- b. *Di antara tokoh-tokoh yang paling layak menerima Bintang Semangat Padi Kelas Kedua ini adalah Ketua-Ketua Negara, Negeri dan pemimpin-pemimpin Pengakap yang terdiri daripada Duli-Duli Yang Teramat Mulia Raja-Raja Muda atau Tengku Mahkota atau Pemangku Sultan ketika Sultan dilantik menjadi Yang Di-Pertuan Agong dan bergantung kepada pertimbangan dan budi bicara Jawatankuasa Anugerah, Majlis Pengakap Malaysia serta diperakukan oleh Ketua Pengakap Negara. Dalam keadaan yang sama juga, Bintang ini boleh dianugerahkan kepada pemimpin-pemimpin tertinggi negara, negeri atau pemimpin-pemimpin Pengakap dari kalangan rakyat biasa, seperti Y.A.B Menteri-Menteri Besar, Ketua-Ketua Menteri, Menteri-Menteri Kabinet, atau Pemimpin-Pemimpin Pengakap yang terbukti gemilang kebaktian mereka atau mereka yang setaraf dengannya yang banyak menyumbang kepada pergerakan Pengakap dengan sokongan Ketua Pengakap Negara. Penganugerahan kepada tokoh-tokoh dari luar negara boleh juga diberikan tetapi di atas status Kehormat.*

- c. *Istilah Semangat Padi (SP) melambangkan ciri-ciri, tradisi dan unsur-unsur budaya pribumi, di mana PADI merupakan teras hati budi, tatasusila hidup serta tonggak ketuanan bangsa melayu. Walaupun Pengakap berasal dari tanah Inggeris, tetapi melalui proses sosialisasi dan assimilasi untuk memenuhi keperluan dan adat resam tempatan, ianya telah menjadi hak asli dan jati negara ini. Dari suatu aspek yang lain pula, kegiatan Kepengakapan adalah sumber asuhan dan didikan yang mencerna dan menjana remaja Pengakap supaya menepati Falsafah Hidup Resmi Padi, semakin berisi semakin tunduk yang menepati nilai-nilai hidup ketimuran dan semangat Kepengakapan tempatan.*
- d. *Bintang Semangat Padi Kelas Kedua ini hanya boleh disampaikan oleh Ketua Pengakap Negara (KPN).*
- e. *Bilangan kuota pada satu-satu masa penganugerahan tidak lebih daripada 05 orang, dan bilangan tidak termasuk kepada anugerah yang diberi di dalam status "Kehormat" (Luar Negara).*

3. **BINTANG SEMANGAT RIMBA KELAS PERTAMA – EMAS (BSR – I)**  
(Bentuk : Sijil dan Pingat – Kalung)



- a. *Bintang Semangat Rimba Kelas Pertama – Emas (BSR – I) adalah anugerah ketiga tertinggi Persekutuan Pengakap Malaysia (PPM), yang hanya disampaikan kepada tokoh-tokoh yang telah memberi perkhidmatan dan bakti yang amat terpuji kepada pergerakan Pengakap.*
- b. *Dengan Penganugerahan yang terhad ini, Bintang ini merupakan suatu yang eksklusif. Justeru itu, penerima yang paling layak adalah dari kalangan individu-individu yang banyak memberi sokongan dan sumbangan besar kepada pembangunan Kepengakapan, pemimpin-pemimpin Pengakap di peringkat daerah, wilayah, negeri, negara dan antarabangsa. Penganugerahan kepada tokoh-tokoh dari luar negara boleh juga diberikan, tetapi di atas status Kehormat.*
- c. *Istilah Semangat Rimba (BSR) melambangkan ciri-ciri tradisi dan unsur-unsur budaya dengan pengabungan latihan, kepimpinan, kerja kuat, kesetiaan dan keakraban alam semesta serta merupakan teras dan cabaran kepimpinan, hati budi, tata susila hidup serta tonggak ketuanan bangsa melayu.*
- d. *Bilangan kuota pada satu-satu masa penganugerahan tidak lebih daripada 10 orang, dan bilangan tidak termasuk kepada anugerah yang diberi di dalam status “Kehormat” (Luar Negara).*

4. **BINTANG SEMANGAT RIMBA KELAS KEDUA – PERAK (BSR – II)**  
(Bentuk : Sijil dan Pingat – Kalung)



- a. *Bintang Semangat Rimba Kelas Kedua – Perak (BSR – II) adalah anugerah keempat tertinggi Persekutuan Pengakap Malaysia (PPM), yang hanya disampaikan kepada tokoh-tokoh yang telah memberi perkhidmatan dan bakti yang terpuji kepada pergerakan Pengakap.*
- b. *Dengan penganugerahan yang terhad ini, Bintang ini merupakan suatu yang eksklusif. Justeru itu, penerima yang paling layak adalah dari kalangan individu-individu yang telah memberi sokongan dan sumbangan besar kepada pembangunan Kepengakapan, pemimpin-pemimpin Pengakap di peringkat daerah, negeri, negara dan antarabangsa. Penganugerahan kepada tokoh-tokoh dari luar negara boleh juga diberikan tetapi di atas status Kehormat.*
- c. *Istilah Semangat Rimba (BSR) melambangkan ciri-ciri tradisi dan unsur-unsur budaya dengan pengabungan latihan, kepimpinan, kerja kuat, kesetiaan dan keakraban alam semesta serta merupakan teras dan cabaran kepimpinan, hati budi, tata susila hidup serta tonggak ketuanan bangsa melayu.*
- d. *Bilangan kuota pada satu-satu masa penganugerahan tidak lebih daripada 20 orang, dan bilangan tidak termasuk kepada anugerah yang diberi di dalam status “Kehormat” (Luar Negara).*

5. **BINTANG PAHLAWAN**  
(Bentuk : Sijil dan Pingat )



*Bintang Pahlawan merupakan anugerah tertinggi yang diberikan kepada pemimpin dan ahli-ahli Pengakap yang telah memberi khidmat dalam menyelamatkan nyawa dan harta benda masyarakat sekelilingnya.*

6. **PINGAT PERKHIDMATAN CEMERLANG (PPC)**  
(Bentuk : Sijil dan Pingat – Kalung)



- a. *Pingat Perkhidmatan Cemerlang (PPC) dianugerahkan kepada pemimpin-pemimpin bertauliah yang telah banyak menabur jasa dan bakti cemerlang di atas perkembangan Kepengakapan di peringkat daerah, negeri, negara dan antarabangsa serta disanjung tinggi, mempunyai sifat dan sikap taat setia dan mempamerkan taat kelakuan yang terpuji.*
- b. *Pingat Perkhidmatan Cemerlang (PPC) ini boleh juga dianugerah kepada individu seumpama pihak pegawai atasan kepada sesuatu institusi, badan berkanun atau swasta yang banyak menyumbang, menyokong serta terlibat secara jitu dalam menjayakan semua program dan pergerakan Kepengakapan di peringkat negeri, negara dan antarabangsa.*
- c. *Bilangan kuota pada satu-satu masa penganugerahan tidak lebih daripada 45 orang, dan bilangan tidak termasuk kepada anugerah yang diberi di dalam status “Kehormat” (Luar Negara).*

7. **PINGAT PERKHIDMATAN SETIA (PPS)**  
(Bentuk : Sijil dan Pingat)



- a. *Pingat Perkhidmatan Setia (PPS) dianugerahkan kepada pemimpin-pemimpin bertauliah dan juga individu yang telah memberikan khidmat bakti yang sangat baik, jujur, amanah dan setia tidak kurang dari 10 tahun atau dalam jangka waktu yang lebih pendek di atas pertimbangan Jawatankuasa Anugerah Persekutuan Pengakap Malaysia.*
- b. *Pingat ini boleh juga dianugerahkan kepada isteri atau suami para pemimpin-pemimpin yang memegang jawatan-jawatan Pesuruhjaya Daerah, Pesuruhjaya Negeri dan peringkat negara melebihi 15 tahun.*
- c. *Bilangan kuota pada satu-satu masa penganugerahan tidak lebih daripada 65 orang, dan bilangan tidak termasuk kepada anugerah yang diberi di dalam status "Kehormat" (Luar Negara).*

8. **PINGAT PERKHIDMATAN BAIK (PPB)**  
(Bentuk : Sijil dan Pingat)



- a. *Pingat Perkhidmatan Baik (PPB) dianugerahkan kepada pemimpin-pemimpin bertauliah dan kepada individu seperti Jawatankuasa Persekutuan Pengakap Tempatan (PPT), daerah, negeri dan negara yang sentiasa menjalankan tugas dengan baik serta membantu kejayaan pergerakan Pengakap di peringkat masing-masing dengan jujur, amanah, setia dan berterusan tidak kurang dari 5 tahun.*
- b. *Bilangan kuota pada satu-satu masa penganugerahan tidak lebih daripada 75 orang, dan bilangan tidak termasuk kepada anugerah yang diberi di dalam status "Kehormat" (Luar Negara).*

9. **PINGAT PERKHIDMATAN LAMA (PPL)**  
(Bentuk : Sijil dan Pingat)



*Pingat Perkhidmatan Lama (PPL) dianugerahkan kepada pemimpin-pemimpin bertauliah yang telah bertugas dan berkhidmat secara berterusan dengan baik selama tidak kurang dari 20 tahun di peringkat Kumpulan, Daerah, Negeri dan Negara serta mempunyai tingkah laku dan budi pekerti yang mulia.*

10. **SIJIL KEPUJIAN KETUA PENGAKAP NEGARA (SKKPN)**  
(Bentuk : Sijil dan Reben)



*Sijil Kepujian Ketua Pengakap Negara (SKKPN) dianugerahkan kepada pemimpin-pemimpin bertauliah dan telah memberikan khidmat bakti dengan terpuji dan berterusan selama 12 bulan serta mempunyai tingkah laku dan budi pekerti yang baik. Boleh juga dianugerahkan kepada ahli-ahli biasa dan Jawatankuasa Persekutuan Pengakap Tempatan (PPT) daerah, negeri dan orang-orang perseorangan yang banyak membantu dan menyokong pergerakan Pengakap di peringkat Kumpulan, Daerah, Negeri dan Negara.*